

09/03/2002

Malaysia minta jaminan (HL)

Norbakti Alias; Hassan Omar

SIK, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Singapura memberi jaminan bahawa kerja penambakan laut di wilayahnya di Selat Tebrau, terutama di Pulau Tekong sekarang, tidak menjejaskan sempadan garisan laut terdalam.

Perdana Menteri menegaskan, jaminan itu perlu kerana garisan laut terdalam penting untuk pelayaran. Jika terjejas, ia bukan saja memberi kesan kepada laluan kapal ke Pasir Gudang, malah ke atas perairan republik itu dalam jangka panjang.

"Singapura perlu mengambil kira faktor ini," katanya kepada pemberita selepas majlis mesra bersama rakyat di Padang Awam Majlis Daerah Sik, di sini petang ini.

Beliau mengulas kontroversi berikutan pendedahan Berita Harian mengenai tindakan Singapura menambak laut di beberapa tempat di perairan Johor yang memberi kesan langsung kepada sempadan perairan kedua-dua negara.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong sebelum ini dilaporkan berkata, republik itu boleh melakukan apa saja dalam wilayahnya dan menyalahkan media Malaysia kerana sengaja membangkitkan isu seumpama itu dari semasa ke semasa.

Dr Mahathir berkata, walaupun Singapura mempunyai hak untuk menambak laut di wilayahnya, ia boleh menjejaskan garisan laut dalam serta memberi kesan kepada pelayaran kapal.

"Kita sedar Singapura ada hak tebus guna tanah di wilayah mereka, tetapi yang menjadi masalah adalah garis laut terdalam ini.

"Di kawasan inilah yang menjadi laluan kapal untuk ke Pasir Gudang. Tapi, kerja tebus guna itu juga boleh memberi kesan jangka panjang kepada kapal yang melalui perairan Singapura," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur bagi menyatakan rasa kurang senang Malaysia dengan perkembangan terbaru di Pulau Tekong itu.

"Bagaimanapun, setakat ini, belum ada maklum balas daripada mereka," katanya.

Ditanya kemungkinan langkah Singapura itu bertujuan menarik semula kapal asing yang kini memilih pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berasa begitu.

"Perairan Singapura sendiri akan terjejas dengan tebus guna tanah ini," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, Malaysia belum bercadang mengemukakan masalah itu kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda bagi mendapatkan penyelesaian.

"Kita belum sampai ke tahap itu lagi. Kita pun masih ada kes dengan Singapura iaitu tuntutan terhadap Pulau Batu Putih. Bagaimanapun, Wisma Putra masih mengkaji bentuk tindakan yang perlu diambil untuk menyelesaikan perkara ini," katanya.

Mengenai kenyataan Goh bahawa wartawan Malaysia terlalu emosi mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata, ia adalah kerana memikirkan kesan kerja itu terhadap garis persempadanan kedua-dua negara.

"Walaupun ia berlaku di Singapura, ia memberi kesan kepada garis laut terdalam yang menjadi garis persempadanan itu," katanya.

(END)